

## KETERLIBATAN ORANG ASLI TEMUAN DALAM AKTIVITI PENDAKIAN DI TAMAN NEGARA LEDANG (TNL): HALANGAN DAN CABARAN

Ahmad Nawawi Yaakob<sup>1\*</sup>, Ahmad Naqiyuddin Bakar<sup>2</sup>, Rohani Jangga<sup>3</sup>, Alizah Ali<sup>4</sup>, Rosnani Mohd Salleh<sup>5</sup>, & Mohammad Faried Abdul Shukor<sup>6</sup>

<sup>1</sup>Universiti Teknologi MARA (UiTM), Segamat, Johor, Malaysia

<sup>2,3,4,5,6</sup>Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor, Malaysia

\*E-mail: [ahmad414@uitm.edu.my](mailto:ahmad414@uitm.edu.my)

### 1. PENGENALAN

Taman Negara Ledang (TNL) memiliki seribu keindahan flora dan fauna, pada ketinggian gunungnya 4186 kaki (1276 M) menarik minat aktiviti pelancongan dan rekreasi terbaik di negeri Johor. ia berupaya menjana pendapatan kepada negeri dan masyarakat sekitar. Orang Asli Temuan adalah komuniti yang paling hampir mendiami persekitaran TNL, dan mereka lebih dekat dengan alam untuk memahami kebergunaannya. Namun begitu, penglibatan Orang Asli Temuan dalam aktiviti pendakian adalah amat kecil. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti kadar keterlibatan orang Asli Temuan dalam aktiviti pendakian, halangan dan cabaran dalam kerjaya sebagai malim atau *tourist guide* di Taman Negara. Keterlibatan masyarakat setempat khususnya orang Asli di kawasan perlindungan adalah sangat penting dalam merealisasikan konsep *sustainable and responsible eco-tourism*, selaras dengan agenda Sustainable Development Goals (SDGs) oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Malahan, adalah suatu kerugian jika sumber yang unik yang datangnya dari masyarakat orang Asli tidak dimanfaatkan sepenuhnya sebagaimana diidamkan oleh ramai pelancong yang berkunjung ke taman negara. Kajian juga meneliti konsep pembangunan Taman Negara yang seharusnya digandingkan selari dengan keberadaan komuniti setempat.

### 2. KAEDAH KAJIAN

Kawasan perlindungan Gunung Ledang merupakan salah satu lokasi kawasan ekopelancongan yang sangat popular. Keunikan Gunung Ledang dan kawasan persekitarannya begitu mempersonakan sehingga Alfred Russel Wallace yang pertama kali menjejakkan kakinya ke Gunung tersebut pada 1854 telah mengungkapkannya “*In a distant view a forest country is very monotonous, and no mountain I have ever ascended in the tropics presents a panorama equal to that from Snowdon, while the views in Switzerland are immeasurably superior*” (Wallace, 1869). Selain amat terkenal dengan kisah-kisah lagenda silam, Taman Negara Johor Gunung Ledang yang ditubuhkan pada 2005 untuk melindungi gunung istimewa dan memelihara seluruh tumbuhan unik dan binatang yang bermastautin di sini. TNL ini diurus tadbir Lembaga Taman Negara dan diletakkan dibawah agensi Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ), sebuah entiti Kerajaan Negeri Johor. TNL juga sangat terkenal sebagai sebuah taman lagenda yang memiliki keistimewaan tersendiri. Pada ketinggian 1276 meter, Gunung Ledang adalah gunung tertinggi di negeri Johor. Dua pintu masuk utama iaitu Taman Lagenda dan Air Terjun Gunung Ledang. Kawasan perlindungan yang berkeluasan 8 611.9 hektar ini, merangkumi keseluruhan Ledang yang mempunyai ciri hutan hujan tropika yang luas dan berfungsi sebagai kawasan tadahan air kritikal untuk negeri Johor dan Melaka. Memang tidak

diragukan lagi bahawa Gunung Ledang menyimpan khazanah biodiversiti dan kawasan perlindungan penting untuk hidupan liar (PTNJ, 2021).

Kajian kualitatif lebih tepat diterapkan bila tujuannya untuk mendapatkan kefahaman terperinci berkaitan sesuatu fenomena (Silverman, 2016). Kajian ini merupakan sebahagian dari susulan kajian terdahulu. Sebilangan penulis telah berpeluang bersosialisasi dengan masyarakat setempat dan melakukan pengamatan serta menghayati kehidupan masyarakat tempatan khususnya kaum Asli Temuan (Ahmad et al., 2017a; Ahmad et al., 2017b). Kajian ini turut menerapkan pendekatan analisa kepustakaan dan meneroka pengalaman dari pihak berkepentingan yang mendiami persekitaran kawasan perlindungan Gunung Ledang. Temubual kualitatif dijalankan dan pengamatan fizikal juga dilakukan. Proses analisa data dibuat secara terperinci dengan menerapkan proses iterative yang dipanggil '*analytic induction*' (Cope, 2010). Data koding dianalisis berdasarkan beberapa tema dan proses pengkelasan (categorization)

### **2.1 *Theory of Planned Behaviour (TPB) and Expectancy Disconfirmation Model (EDM)***

Selanjutnya, *Theory Planned Behaviour (TPB)* dipilih untuk kajian ini. Teori ini pada umumnya boleh digunakan untuk merangka strategi menarik pengunjung ke kawasan-kawasan tertentu. Menerusinya, faktor-faktor yang memberikan kecenderungan untuk menerapkan amalan responsible tourism. TPB diutarakan oleh Ajzen (1991) and Oliver (1977; 1980). Perkara dasar tentang teori-teori ini adalah berlandaskan kepada konsep kepercayaan, sikap, norma dan persepsi serta gelagat tingkahlaku. Selanjutnya, Kajian turut mencadangkan *Model Expansive Collaboration Model (EDM)* seperti diutarakan PBB, "rentas-disiplin melibatkan komunikasi di antara pelbagai disiplin, secara serentak dan lebih inklusif di dalam menyeimbangkan kepentingan komuniti orang Asli. Beberapa keadaan mesti dipenuhi terlebih dahulu sebelum impak yang diingini berlaku. Pertama, puak orang Asli akan berkecenderungan untuk berpuashati dengan manfaat dari sesuatu pekerjaan yang dilakukan, sekiranya pekerjaan tersebut melebihi jangkaan mereka, dan begitu juga sebaliknya (Mok, 2020). Kedua, seseorang itu akan berkecenderungan untuk menuruti seseorang yang mereka percaya atau dekat secara peribadi seperti ketua masyarakat atau ahli keluarga, meskipun persepsi yang berbeza dirasakan oleh orang lain (St John et al., 2010). Kedua-dua faktor ini dianggap sebagai motivasi socio-psikologikal yang memacu seseorang itu memilih untuk melakukan sesuatu pekerjaan atau juga memilih apa perkerjaan yang hendak dilakukan (Herzberg, 1959; Balogiu & Uysal, 1996). Sebilangan penyelidik seperti Gani et al. (2012) menyimpulkan bahawa menerusi dialog, kesalingan pembelajaran, fflexibiliti dan pengiktirafan terhadap pelbagai dimensi pengetahuan pada dasarnya akan mencernakan pihak pemegang taruh untuk membentuk lebih kefahaman terhadap kepentingan bersama, berkongsi masalah, membentuk kefahaman dalam perancangan, menyemai kepercayaan, berkongsi persetujuan terhadap bentuk dan kegunaan ilmu dan seterusnya membentuk hubungan (Stankey et al., 1999).

### **3. PENEMUAN – HALANGAN DAN CABARAN**

Cabaran utama yang dihadapi oleh malim pada umumnya ialah keterlibatan pihak berkepentingan khususnya masyarakat orang asli dalam konteks merealisasikan konsep 'responsible tourism' (Walligo et al., 2013; Chan et al., 2016). Biarpun terdapat kesedaran akan peri pentingnya membentuk persekitaran pelancongan mampan, pada hakikatnya, pihak

berkepentingan masih bergerak secara bersendirian. Kajian ini mendapati tidak ramai mereka yang dari kalangan masyarakat Temuan yang mahu melibatkan diri dalam aktiviti ini. Kajian mendapati, keterlibatan guider atau malim gunung dalam kalangan orang asli Temuan masih terlalu sedikit dan seringkali terasing dalam kelompok guider sesama mereka dalam kumpulan-kumpulan kecil.

Selain itu, kesan dari pandemik COVID-19 juga telah menjejaskan sektor eko-pelancongan di kawasan Gunung Ledang dengan amat ketara. Penutupan operasi pendakian telah mengakibatkan operasi pengendali pemandu pelancong terhenti sama sekali. Kekangan peruntukan kewangan turut menyebabkan ketidakmampuan penguasa tempatan untuk menyediakan insentif-insentif sokongan demi meneruskan kelangsungan operasi pengendali pemandu pelancong.

Orang Asli Temuan yang tinggal berhampiran TNL adalah yang paling kenal hutan belantara dan tahu selok belok pendakian di situ. Pengetahuan unik masyarakat orang Asli di kawasan setempat mereka memang tidak dapat dinafikan merekalah yang lebih mahir dengan hutan belantara dan selok belok kehidupan hutan. Namun, kajian juga mendapati 'rasa rendah diri' (malu) masyarakat orang Asli Temuan bila berhadapan orang ramai menyebabkan komitmen golongan ini amat rendah. Tahap sosialisasi yang rendah menjadikan peluang ini tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka, dan ia adalah suatu kerugian sumber yang diidamkan oleh ramai pelancong ke taman negara.

#### 4. CADANGAN

Berdasarkan penemuan dan pengamatan berkenaan aktiviti eko-pelancongan di sekitar Gunung Ledang, khususn berkaitan dengan pendakian gunung, beberapa cadangan berikut dikemukakan:

- Satu bentuk polisi khusus yang menekankan kepentingan melibaturus pembangunan sektor eko-pelancongan dengan keterlibatan masyarakat setempat khususnya orang asli Temuan;
- Melakukan penilaian ke atas peranan dan sumbangan komuniti Temuan
- Mengelola program-program peningkatan keupayaan diri dan kemahiran yang bersesuaian seperti keusahawanan, komunikasi, khidmat pelanggan dan seumpamanya;
- Pihak PTNJ menyediakan skim atau insentif khas bagi menggalakkan syarikat-syarikat yang diberikan lesen sebagai pengendali pemandu pelancong mengamalkan konsep responsible tourism;
- Membangun satu mekanisma agar penjanaan hasil dari eko-pelancongan Taman Negara Ledang diperuntukkan secara terus untuk komuniti orang Asli Temuan.

Mengambil kira pandangan beberapa kajian terdahulu, misalnya Ahmad (2017b), Ahmad dan Mohd Nazip (2019), Ahmad dan Mohd Nazip (2020), dan Ahmad (2020), strategi untuk melibatsama komuniti Temuan perlu dibuat secara lebih serius demi mencapai matlamat pembangunan mampan, disamping menneruskan kelangsungan kehidupan masyarakat tersebut. Menerusi sektor eko-pelancongan, masyarakat Temuan akan bukan sahaja menerima manfaatnya tetapi turut juga melestarikannya. Ghani et al. (2012) merumuskan terdapat lima elemen utama yang menentukan kelestarian kawasan perlindungan dalam menerapkan komuniti setempat iaitu:

- Perancangan dan pengurusan – perlu bersifat menyeluruh mengambilkira aspek sosial, ekonomi dan bio-fizikal;
- Menyerlahkan nilai dan apirasi kemanusiaan – keselarian proses tadbir urus yang diselaraskan dan proses pembuatan polisi secara sistematik merentasi matlamat biological, ecological dan berorientasikan kemanusiaan;
- Keberkesanan keterlibatan awam – berkait dengan pengiktirafan terhadap ilmu masyarakat asli (indigenous knowledge) dan kefahaman terhadap apa yang mendasari kehidupan seharian mereka, yang sewajarnya terlihat dalam bentuk memberikan akses kepada maklumat luaran dan memaksimumkan keterlibatan semua pihak berkepentingan di dalam proses tadbir urus;
- Ilmu dan nilai tradisional setempat – seringkali dikesampingkan atau tidak diambilkira dalam proses pembuatan keputusan;
- Kolaborasi antara pengurusan dan masyarakat setempat – keperluan untuk mengadaptasi konsep *Transactive Planning* yang menumpukan kepada kumpulan bersasar yang berkebolehan berkongsi pengalaman dan nilai intrinsik ilmu yang dimiliki dengan pihak penguasa berasaskan '*rationality*' (berciri kepada '*dialogue, mutual learning, flexibility and recognition*' ilmu) and '*inclusivity*' (semangat perkonsian dan kesalingan mempercayai yang tulin dalam memperkukuhkan hubungan).

Berlatar belakangkan saranan di atas, eko-pelancongan berteraskan komuniti atau community-based tourism perlu dipertimbangkan sebagai salah satu dari pendekatan pembangunan sosio-ekonomi di kawasan perlindungan. Peranan pihak berkuasa perlu memacu inisiatif-inisiatif eko-pelancongan yang mengenengahkan peranan komuniti Temuan menerusi intervensi polisi-polisi yang berfokus bagi memastikan keterlibatan maksimum masyarakat setempat.

## 5. KESIMPULAN

Kajian ini cuba mendalami aspek eko-pelancongan yang menerapkan konsep *responsible tourism* dengan menyelidiki perspektif masyarakat tempatan khususnya komuniti orang Asli Temuan. Seperti diamati, keterlibatan masyarakat orang Asli Temuan, meski pun masih sangat minimum, namun boleh memberikan impak yang besar pada jangka panjang, khususnya dari sudut keterlibatan mereka dalam inisiatif kelestarian eko-pelancongan, selaras dengan matlamat SDG, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Inisiatif kelestarian ini tentunya berdepan dengan pelbagai kekangan, mengambilkira faktor-faktor pembangunan sekeliling yang semakin menghampiri kawasan Gunung Ledang, risiko pencemaran dan impak kerosakan alam semulajadi, serta juga faktor luar jangka seperti kesan pandemik COVID-19. Dalam masa yang sama, hakikat yang tidak dapat disangkal ialah Gunung Ledang masih lagi berstatus kawasan perlindungan dan dikawalselia oleh Akta, peraturan dan polisi-polisi tertentu yang dirangka secara holistik di bawah pelan perancangan semasa. Dengan kesungguhan menerapkan amalan kemampanan, *responsible* eco-tourism sepatutnya menjadi keutamaan tanpa sama sekali mengeneipkan peranan masyarakat setempat khususnya orang Asli Temuan. Walaupun kesan positif tidak ketara dari segi keterlibatan orang Asli Temuan yang sangat minimum ketika ini, namun jika elemen 'kebertanggungjawaban' terhadap persekitaran yang unik dan estetik, tentu sahaja peranan komuniti ini tidak harus diketepikan sama sekali malah perlu dianggap sangat penting. Jika keterlibatan komuniti ini dapat dipertingkatkan secara lebih substantif, Gunung Ledang bukan sahaja menjadi lokasi tumpuan pengunjung luar, malahan

akan menjadi model kelestarian eko-pelancongan yang disegani dan menjadi tanda aras kepada mana-mana kawasan perlindungan yang seumpamanya, di dalam atau di luar negara.

## 6. PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan penaja geran penyelidikan Segi Tiga *Sustainable Development Goals* [Project 600-RMC/LESTARI SDG-T 5/3 (075/2019)]. Secara khusus, terima kasih ini diberikan kepada pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Invoasi), Pusat Pegurusan Penyelidikan (RMC), Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP), Universiti Teknologi MARA (UiTM), dan UiTM Johor yang memberi ruang untuk kajian ini dilaksanakan.

## 7. RUJUKAN

- Ahmad N. B., & Mohd Nazip, S. (2020). *Protected areas, national parks and sustainable future*. InTech Publication, Europe. ISBN: 978-1-78984-230-2.
- Ahmad N. B. (2017b). Policy and related issues pertaining community participation in management of protected area (PA): A case of Taman Negara (National Park), Kuala Tahan, Pahang, In Mohd Nazip, S., *National parks - management and conservation*, InTech Publication, Europe. ISBN 978-953-51-5875-2.
- Ahmad N. B. (2020). Introductory chapter: Today's national parks (PAs) and protected areas (PAs) for a sustainable future. In Ahmad N. B., *Protected areas, national parks and sustainable future*, InTech Publication, Europe. (ISBN: 978-1-78984-230-2.
- Ahmad N. B., Abdul Rauf Ambali, Farida Zuraina, M. Y., Harinder R.S., & Lili, T., (2017a). *Gunung Ledang: Geology, biodiversity and socio-economic development*. University Publication Centre (UiTM Press): Shah Alam, Selangor, ISBN 506000283037
- Ahmad, N.B., & Mohd Nazip, S. (2019). *National parks and sustainable future*. InTech Publication, Europe. ISBN 978-953-51-5875-2.
- Andrade, G. S., & Rhodes, J. R. (2012). Protected areas and local communities: An inevitable partnership toward successful conservation strategies? *Ecology and Society*, 17(4).
- Buckland, S. T., Plumptre, A. J., Thomas, L., & Rexstad, E. A. (2010). Design and analysis of line transect surveys for primates. *International Journal of Primatology*, 31(5), 833-847.
- Cardozo, M. (2011). Economic displacement and local attitude towards protected area establishment in the Peruvian Amazon. *Geoforum*, 42(5), 603-614.
- Chan, J. K. L., & Tay, K. X. (2016). Tour operator perspectives on responsible tourism practices: A case of Kinabalu National Park, Sabah. *International Journal of Culture, Tourism, and Hospitality Research*.
- Cope, M. (2010). Coding transcripts and diaries 27. *Key methods in Geography*, 440.
- Dimitrakopoulos, P. G., Jones, N., Iosifides, T., Florokapi, I., Lasda, O., Paliouras, F., & Evangelinos, K. I. (2010). Local attitudes on protected areas: Evidence from three Natura 2000 wetland sites in Greece. *Journal of Environmental Management*, 91(9), 1847-1854.
- Gani, A. A., Awang, K. W., Samdin, Z., & Mohd, A. (2012). Local community participation in sustainable tourism planning of Malaysian protected areas. *Current Issues in Hospitality and Tourism Research and Innovations*, 459.
- Gerhardinger, L. C., Godoy, E. A., & Jones, P. J. (2009). Local ecological knowledge and the management of marine protected areas in Brazil. *Ocean & Coastal Management*, 52(3-4), 154-165.
- Jennings, G. (2001). *Tourism research*. John Wiley and Sons Australia, Ltd.



- Mok, J. Y. (2020). Proposed non-linear relation between satisfaction with government performance and co-production: An initial empirical test. *Public Management Review*, 22(3), 432-451.
- Oliver, R. L. (1977). Effect of expectation and disconfirmation on postexposure product evaluations: An alternative interpretation. *Journal of Applied Psychology*, 62(4), 480-486.
- Oliver, R. L. (1980). A cognitive model of the antecedents and consequences of satisfaction decisions. *Journal of Marketing Research*, 17(4), 460-469.
- Perbadanan Taman Negara Johor – PTNJ, (2021). *Gunung Ledang – Gunung Lagenda* Retrieved from <https://www.johornationalparks.gov.my/v3/ms/gunung-ledang/>
- Silverman, D. (2016). *Qualitative research (4th Ed.)*. SAGE Publishing, London.
- Walde, J., Huy, D., Tappeiner, U., & Tappeiner, G. (2019). A protected area between subsistence and development. *International Journal of the Commons*, 13(1).
- Waligo, V. M., Clarke, J., & Hawkins, R. (2013). Implementing sustainable tourism: A multi-stakeholder involvement management framework. *Tourism Management*, 36, 342-353.
- Wallace, R. R. (1869). *The Malay Archipelago: The land of the orang-utan and the bird of paradise: A narrative of travel, with studies of man and nature*. London: Macmillan and Co.
- Woelansari, M., Maryono, M., Muhammad, F., Halim, M. A. R., & Setyawan, A. (2020). Community participation in conservation of Petungkriyono protected areas in Pekalongan district. In *E3S Web of Conferences* (Vol. 202, p. 06002). EDP Sciences.
- Yin, R. K. (2009). *Case study research: Design and methods* (Vol. 5). Sage.